

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,  
JALAN CENDERASARI,  
KUALA LUMPUR.

Telefon: 985176  
Kawat: MINHEALTH, KUALA LUMPUR

Ruj: (7) dlm KKM 82/2/6

24 hb September 1983

Kepada Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan  
Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sabah/Sarawak  
Semua Pengarah Yayasan

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN NO. 7/1983

Perakuan Untuk Melanjutkan Tempoh Latihan Doktor Siswazah

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk mensemangamkan perakuan melanjutkan tempoh latihan doktor siswazah.

2. Dalam tempoh latihan doktor siswazah perlu ditempatkan di-unit-unit atau jabatan-jabatan yang tertentu. Adakah lanya didapati prestasi doktor siswazah kurang memuaskan dan oleh yang demikian tempoh latihan mereka perlu dilanjutkan. Pada masa ini perakuan tersebut hanya dibuat selepas doktor siswazah menamatkan tempoh latihan di-unit-unit atau jabatan-jabatan. Kelewatan ini telah menimbulkan masalah kepada Kementerian dan juga pegawai yang berkenaan.

3. Mulai dari tarikh ini, peraturan-peraturan yang berikut dalam memperakukan perlanjutan tempoh latihan doktor siswazah hendaklah dipatuhi:-

- (a) Sekiranya prestasi seseorang doktor siswazah itu tidak memuaskan dan ketua unit atau jabatan berpendapat bahawa tempoh latihan perlu dilanjutkan, maka perakuan hendaklah dibuat melalui Pengarah Negeri/Yayasan SATU BULAN SEBELUM tamat latihan dalam unit/jabatan tersebut;
- (b) Perakuan hendaklah dibuat dalam borang yang mana satu contoh disertakan dalam lampiran kepada Pekeliling ini;  
dan
- (c) Ketua unit/jabatan yang berkenaan hendaklah menghuraikan secara detail kesalahan-kesalahan yang telah dibuat oleh doktor siswazah, dan juga bukti-bukti lain yang menunjukkan bahawa prestasi mereka adalah tidak memuaskan. Pengarah Negeri/Yayasan hendaklah juga memberi ulasan tentang perakuan ini.

Sekian.

(DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAN)

PERAKUAN MELANJUTKAN TEMPOH LATIHAN DOKTOR SISWAZAH

Feringatan: Perakuan melanjutkan tempoh latihan doktor siswazah hendaklah dibuat satu bulan SEBELUM seseorang doktor siswazah habis tempoh penempatan disesuatu unit atau jabatan.

1. Nama pegawai .....

Perihal Jabatan/Unit .....

Penempatan Hospital .....

Ketua Jabatan/Unit (nama) .....

Doktor siswazah ditempatkan mulai .....

Penempatan sepatutnya tamat pada .....

2. Sebab-sebab Tempoh latihan perlu dilanjutkan. Beri detail-detail (Untuk diisi oleh Pegawai Pakar yang berkenaan)

(a)

(b)

(c)

(d)

(Jika ruang tidak cukup, gunakan kertas lain)

Berdasarkan kepada sebab-sebab yang tersebut diatas, saya perakukan tempoh latihan doktor siswazah Dr ..... dilanjutkan ..... bulan lagi mulai dari tarikh penempatan sekarang tamat.

Tarikh .....  
.....  
Tandatangan Pegawai Pakar

3. Ulasan Pengarah/Penguasa Ferubatan Hospital

Tarikh .....  
.....  
Tandatangan  
Nama .....

4. Ulasan Pengarah Terkhidmatan Perubatan & Kesihatan

Tarikh .....  
.....  
Tandatangan  
Nama .....

(Untuk kegunaan Pejabat KPK)

Ulasan KPK